

Soalan No: 25

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. MANSOR BIN ABDUL RAHMAN [SIK]**

**TARIKH : 3.8.2017**

**SOALAN :**

**Dr. Mansor Bin Abdul Rahman [Sik]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah tindakan yang akan diambil untuk mengekang kegiatan buli yang semakin menjadi-jadi dan mempunyai unsur jenayah, seperti contoh kebelakangan ini yang beberapa pelajar yang meninggal dunia akibat buli di sekolah, adakah tindakan tegas akan diambil oleh Kementerian untuk kes-kes buli.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, walaupun kes buli di sekolah secara relatifnya sangat kecil, namun Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tidak pernah memandang ringan akan perkara tersebut. Ingin ditegaskan bahawa kes-kes yang terlibat telah diambil tindakan sewajarnya, sama ada di peringkat sekolah mahu pun pihak mahkamah melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM). Sejak dahulu, KPM serius dalam menangani buli melalui mekanisme pencegahan, penguatkuasaan peraturan sekolah, intervensi kepada mangsa dan menjalinkan kerjasama padu dengan semua pihak yang berkepentingan.

Pihak sekolah telah diberi peringatan melalui surat-surat pekeliling dan garis panduan mencegah serta menangani buli dalam kalangan murid. Pelbagai program kesedaran gejala buli dilaksanakan secara bersepadu di dalam kurikulum, kokurikulum dan pembinaan sahsiah. Murid turut dilibatkan menjadi pembimbing rakan sebaya melalui kelab pakaian beruniform dan Kelab Penjegahan Jenayah Sekolah. Sebagai langkah pengukuhan, Buku Panduan Pengurusan Menangani Buli di Sekolah telah diulang cetak pada tahun 2014 untuk edaran dan panduan pihak sekolah.

Dari segi penguatkuasaan peraturan sekolah, Jawatankuasa Disiplin Sekolah berperanan menjalankan siasatan dan mencadangkan hukuman atau langkah intervensi kepada pentadbir sekolah. Semua guru merupakan guru disiplin dan bertanggungjawab membentuk sahsiah murid di samping membudayakan konsep sekolah penyayang. Pihak sekolah turut mengadakan Mesyuarat Permuafakatan Sekolah melibatkan PPD, PIBG, Polis, ibu bapa terlibat dan pihak berkepentingan yang lain. Hukuman keras seperti rotan dan buang sekolah merupakan langkah akhir bagi menjaga ketenteraman sekolah.

KPM telah menjalinkan kerjasama padu dengan pihak luar bagi mengatasi isu disiplin murid termasuk buli. Melalui Strategi Lautan Biru (NBOS), Program Remaja Berwawasan dilaksanakan dengan kerjasama Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan PDRM. Melalui program ini, murid berisiko tinggi akan diberikan latihan menggunakan khidmat kepakaran pegawai tentera dan polis.